

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Um- 9/7/2017
Pg-4
Peristiwa
poster gadis
syarikat minyak
memalukan

KUALA LUMPUR 8 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak kesal dengan peristiwa berhubung imej poster gadis iklan sebuah jenama stesen minyak dalam negara ini yang menjadi tular baru-baru ini, dengan menganggap kejadian itu sebagai memalukan.



NAJIB TUN RAZAK

Kekecewaan Perdana Menteri itu diluahkan menerusi laman blognya, *najibrazak.com* hari ini, dengan menganggap aksi-aksi yang tidak senonoh oleh segelintir mereka yang tidak bertanggungjawab itu adalah sangat mengecewakan dan bertentangan dengan budaya serta peradaban kita.

"Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana ia merupakan satu penghinaan dan kurangnya rasa hormat segelintir pihak terhadap kaum wanita.

"Berhentilah memperlakukan wanita sebagai objek. Kita bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk kaum wanita yang juga merupakan ibu, isteri, anak atau adik-beradik kita," katanya.

Tambah Perdana Menteri, walaupun ada yang berniat untuk sekadar berjenaka, tetapi beliau mahu semua lapisan masyarakat lebih peka terhadap sensitiviti masyarakat.

"Bayangkan jika perlakuan serupa dilakukan terhadap ahli keluarga kita sendiri sama ada anak, ibu, kakak atau pun adik? Saya harap masyarakat kita kembali berpegang kepada prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Keso-panan dan Kesusilaan," katanya.